



**KUMPULAN UMSKAL** berjaya meraih Anugerah Emas di Konvensyen Team Excellence Wilayah Sabah dan Sarawak 2013 di The Pacific Sutera, Kota Kinabalu.

## Kumpulan UMSKAL raih Anugerah Emas

UB 6.7.13 84

**LABUAN:** Kumpulan KAL Team yang mewakili Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) meraih Anugerah Emas di Konvensyen Team Excellence Wilayah Sabah dan Sarawak 2013 di The Pacific Sutera, Kota Kinabalu pada 4 Julai lalu.

Kumpulan itu yang diwakili ketua pasukan, Eldayana Suhaili, ZekJas, Mohd Quazly Arifin, Abd Sofian Abd Ghani, Nurulhuda Leman dan Dorothy Chew menerima trofi dan sijil penghargaan daripada Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian, Datuk Bolkiah Ismail.

Konvensyen itu yang dianjurkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sabah akan memilih wakil Wilayah Sabah

dan Sarawak ke peringkat kebangsaan di Gambang, Pahang pada 1-3 Oktober akan datang.

Sementara itu, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah mengucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan kumpulan KAL Team.

Ismail berkata, kejayaan itu amat membanggakan seluruh warga UMSKAL serta mampu meningkatkan motivasi kepada pegawai, pensyarah dan kakitangan untuk terus mengamalkan amalan 5S di kampus berkenaan.

Beliau berharap kejayaan itu akan berterusan bukan sahaja dalam Amalan 5S tetapi juga dalam bidang-bidang lain yang disertai UMSKAL sama berkenaan.

ada di peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah mahupun kebangsaan.

Katanya, Jawatankuasa Induk Amalan 5S yang diterajui Baharin Entoh perlubekerja lebih keras bagi memastikan kejayaan yang lebih besar di kebangsaan Oktober tahun ini.

Sementara itu, Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli turut mengutapkan tahniah kepada Kumpulan UMSKAL kerana berjaya mengharumkan nama Wilayah Persekutuan Labuan dan berdoa semoga mereka beroleh kejayaan di peringkat kebangsaan kelak.

Sebanyak 11 kumpulan dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan serta Semenanjung Malaysia menyertai konvensyen berkenaan.